

03 FEB 2000

Mahathir-Penjelasan

UMNO ADAKAN SESI PENJELASAN JAWAB TUDUHAN TERHADAPNYA

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Umno akan mengadakan sesi-sesi penjelasan bagi membolehkan pemimpinnya menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap parti itu dan pemimpinnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata terdapat banyak tuduhan terhadap Umno bahawa kononnya adanya amalan rasuah oleh pemimpinnya, penyalahgunaan wang kerajaan, projek mega dan lain-lain.

"Kadang-kadang pemimpin Umno tidak dapat menjawab dengan tepat. Sebab itu kita akan adakan sesi-sesi tertentu untuk memberi penjelasan," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti di sini.

Dr Mahathir, yang kembali ke tanah air pada Selasa selepas tiga minggu percutian dan lawatan kerja di luar negara, berkata Umno masih mendapat sokongan sebahagian besar rakyat.

Bagaimanapun, katanya, ramai anggota dan pemimpin Umno mendapati sukar memberi penerangan tentang sesuatu hal oleh kerana mereka tidak mendapat maklumat sepenuhnya.

Sebagai contohnya, katanya, terdapat khabar angin bahawa beliau jatuh kuda, sakit teruk dan sebagainya semasa bercuti baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun, apabila ditanya kepada anggota atau pemimpin Umno, mereka sukar menjawab kerana tidak mendapat maklumat betul.

"Tapi kita telah mengingatkan semua pemimpin Umno bahawa khabar angin mengenai kematian saya dan sakit saya sudah banyak kali dah dihebohkan dan tak pernah benar.

"Mereka bolehlah dengan senang hati kata tidak ada apa-apa, orang yang tanya boleh tunggu sehingga saya balik ke tanah air ataupun tengok bukti yang ada," katanya.

Pada sidang media itu juga, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, berkata seramai 35 anggota Umno dipecat kerana menyokong parti lawan pada pilihan raya umum lepas.

Seramai 386 orang lagi diberi surat tunjuk sebab kerana melakukan tindakan yang bertentangan dengan parti semasa pilihan raya itu.

"Kita (Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin) terima laporan dari semasa ke semasa dan kita proses mengikut penerimaan laporan," katanya.

Abdullah juga berkata MT bersetuju supaya anggota, yang kes mereka terdapat bukti jelas dan dirujuk kepada jawatankuasa itu, boleh ditegah daripada menghadiri mesyuarat.

"Ini kes-kes yang mengandungi tuduhan yang tepat dan kesalahan sah tetapi jawatankuasa belum memberi tafsiran. Contohnya, anggota yang jadi calon parti lawan yang pasti akan dipecat," katanya.

Abdullah juga berkata MT telah meluluskan penubuhan 69 cawangan baru Umno di seluruh negara.

-- BERNAMA

ARA AR NAK